

**HAMKA DAN TAFSIR AL-AZHAR :  
SUATU KAJIAN KUALITI 'AD'ATH**

**Oleh**

**M. ARIEF HALIM**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi Ijazah  
Doktor Falsafah**

**Mac 2007**

**HAMKA DAN TAFSIR AL-AZHAR :  
SUATU KAJIAN KUALITI 'AD'ATH**

**M. ARIEF HALIM**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2007**

## **PENAKUAN**

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

28 Mac 2007

M. ARIEF HALIM  
P-HD0111

## **PENGHARGAAN**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji dan syukur penulis panjatkan ke hadirat ALL±h Y dan selawat serta salam ke atas junjungan Nabi Mu¥ammad ρ. Dengan tawfiq dan limpah kurnia ALL±h jua, maka tesis ini dapat disiapkan seperti nama yang diharapkan.

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada *al-ust±dh al-f±«il* Prof. Madya Dr. Moh. Radzi Othman selaku penyelia tesis ini. Beliau banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar dan kritikan ilmiah untuk kesempurnaan kajian ini. Penulis yakin bahawa tanpa bantuan dan sikap toleransinya, sukar bagi penulis untuk menyiapkan tesis ini.

Penulis juga mengucapkan terima kasih kepada Naib Canselor dan para Timbalan Naib Canselor, Dekan dan Timbalan Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Dekan dan Timbalan Dekan Institut Pengajian Siswazah serta para pensyarah yang telah memberikan peluang untuk menyambung pengajian tinggi diperingkat Doktor Falsafah, dan para pegawai Perpustakaan Universiti Sains Malaysia yang telah memberikan bantuan untuk menyelesaikan tesis ini.

Ucapan terima kasih juga penulis sampaikan kepada Rektor dan Timbalan Rektor Universiti Muslim Indonesia (UMI) Makassar yang telah memberikan kesempatan dan biaya untuk melanjutkan pengajian di Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang.

Seterusnya, penulis ucapkan juga terima kasih kepada Ketua Umum Pengurus Besar Darud Da'wah wal-Irsyad (DDI), Prof. Dr. H. Abd. Muiz Kabry beserta para pengerusinya yang telah memberikan bantuan biaya perjalanan untuk menyelesaikan pengajian di Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang.

Penulis juga tidak lupa merakamkan ucapan terima kasih kepada ayahanda Haji Abdul Halim bin Mardan dan ibunda Hajah Sitti Bunayyah binti Daeng Cebu (ALL±h yar¥amh±) yang telah banyak berkorban demi kejayaan

penulis. Semoga ALL±h memanjangkan usia ayahanda serta diberi petunjuk ke jalan yang diredai-Nya dan ibunda mendapat tempat yang layak di sisi-Nya. Sekalung budi buat isteri yang tercinta Nuraini Mahdin serta anakanda tersayang Ria Qadariah, Hasan Asy'ari, Mansur Maturidi dan Maryam Jamilah di atas ketabahan menahan penderitaan bersama penulis yang tidak sempat meluangkan masa untuk mencari nafkah yang memuaskan selama mengikuti pengajian, demi kejayaan penulisan tesis ini.

Akhir kata, penulis memohon ke hadirat ALL±h Y semoga segala sumbangan dan jasa baik yang diberikan oleh semua pihak akan dibalas oleh ALL±h. *و جزاكم الله خيرا*, *ʔmʔn*.

## **HAMKA DAN TAFSIR AL-AZHAR : SUATU KAJIAN KUALITI ʔAD´TH**

### **ABSTRAK**

*Tafsir al-Azhar* karya Hamka amat masyhur dan merupakan rujukan bagi umat pencinta ilmu keislaman, terutama pelajar dan mubaligh. Tafsir ini mengandungi banyak ʔad<sup>3</sup>th yang tidak dikenal pasti kualitinya, apakah ia *jaʔʔʔʔ*, *ʔasan*, «*aʔf* atau *mawʔ*«-?. Oleh itu dipandang penting untuk mengkaji kualiti ʔad<sup>3</sup>th tafsir berkenaan. Sebab menurut pengamatan penulis belum ada kajian khas yang dibuat untuk itu. *Tafsir al-Azhar* terdiri dari 30 juzuk, mengandungi 918 ʔad<sup>3</sup>th. Kajian ini hanyalah hingga akhir juzuk 4 yang mengandungi 142 ʔad<sup>3</sup>th sahaja, kerana bentuk matan yang ada sudah amat bervariasi, ada yang hanya ditulis maknanya sahaja (tanpa lafaz Arab), ada yang diriwayatkan oleh al-Bukh±r<sup>3</sup> dan Muslim, ada yang diriwayatkan oleh selainnya, bahkan ada yang tidak dicantumkan data periwatnya. Kajian membincangkan

masalah utama ilmu  $\mathbb{Y}ad^3th$  iaitu  $ta\mathbb{Y}q^3q\ al-\mathbb{Y}ad^3th$ , berupa menyelidiki secara kritikal dengan menggunakan kaedah ke- $ja\mathbb{Y}^3\mathbb{Y}$ -an  $\mathbb{Y}ad^3th$  terutama bagi sanad suatu berita yang dinyatakan berasal daripada Nabi  $\rho$ . Oleh itu, kajian ini merupakan kajian pustaka. Dalam kajian ini diamalkan  $takhr^3j$  untuk mengesan langsung lafaz  $\mathbb{Y}ad^3th$  kepada sumber asalnya yang muktabar. Selepas itu, dilakukan  $ta\mathbb{Y}q^3q$  berupa kritik sanad diiringi  $i'tib\pm r$  untuk mengesan adanya  $mut\pm bi'$  atau  $sy\pm hid$ , kemudian menghukum setiap  $\mathbb{Y}ad^3th$  yang dikaji. Dari dapatan kajian ini dapat disimpulkan bahawa  $\mathbb{Y}ad^3th$  dalam *Tafsir al-Azhar* sehingga juzuk 4 mengandungi 35 (24.65 %)  $\mathbb{Y}ad^3th$  yang lafaznya tidak selaras dengan sumber asalnya dan dikenal pasti pengarangnya tidak merujuk kepada sumber asal melainkan dari kitab lain terutamanya *Tafsir al-Man\pm r*. Adapun kualiti sanad  $\mathbb{Y}ad^3th$ nya yang boleh dijadikan hujah, terdiri dari  $\mathbb{Y}ad^3th\ ja\mathbb{Y}^3\mathbb{Y}$  51 (35.92 %),  $ja\mathbb{Y}^3\mathbb{Y}\ lighayrih$  5 (3.52 %) dan  $\mathbb{Y}asan$  32 (22.53 %). Sementara bakinya terdiri dari  $\mathbb{Y}ad^3th\ \mathbb{Y}asan\ lighayrih$  5 (3.52 %),  $\ll a'^3f$  44 (30.98 %) yang tidak boleh dijadikan hujah secara berasingan, dan amat  $\ll a'^3f$  3 (2.11 %) serta  $\mathbb{Y}ad^3th$  yang tidak dapat dikesan asalnya 1 (0.71 %) yang secara mutlak tidak boleh dijadikan hujah. Manakala  $\mathbb{Y}ad^3th\ maw\ll -'$  tidak ada ditemukan secara berasingan. Selain itu, terdapat pula  $\mathbb{Y}ad^3th\ mawq-f$  1 (0.71 %) yang merupakan fatwa sahabat. Dengan begitu, dapat dinyatakan bahawa  $\mathbb{Y}ad^3th$ - $\mathbb{Y}ad^3th$  yang terdapat dalam *Tafsir al-Azhar* yang boleh dijadikan hujah amat banyak berbanding dengan  $\mathbb{Y}ad^3th$  yang tidak boleh dijadikan hujah.

## HAMKA AND *TAFSIR AL-AZHAR* : A STUDY ON *ADATH* QUALITY

### ABSTRACT

*Tafsir al-Azhar*, written by Hamka is very famous and is a source of reference for *Muslim* who are interested in Islamology, especially students and *Muslim* preachers. This *tafsir* consists a lot of *Hadith* which its quality was not analyzed whether it is *ja'iz*, *Yasan*, «a'for maw«-? Therefore it is seen as an important text to be analyzed. As it is, the writer has not seen any study with special reference to it. The 30-chapter *tafsir* contains 918 *Hadith* and this study is only looking at the first four chapters which contain up to 142 *Hadith* only, because the characteristics of the existing *Hadith* contents were varied, some wrote on the meaning only (without Arabic context), some were told by al-Bukhārī and Muslim, some were told by others, and there are some *Hadith* which have lost its sources. This study discusses the crucial problem of *Hadith* which is *ta'iq al-Hadith*, a critical research, by using *Hadith* authentication method especially about *sanad* (a chain of narration) of news which was told by the Prophet ﷺ. It means that this study is a library research. *Takhrīj* was done in this study to discover the original source of the spoken *Hadith*. After that, *ta'iq* which is a critique of the *sanad* was done accompanied by *i'tibār* to find out whether *mutabi'* or *syahid* exists, which in turn to give conviction to the *Hadith* in study. The result showed that *Hadith* in *Tafsir al-Azhar*, from first to fourth chapter, contains 35 *Hadith* (24.65 %) do not have proper dictions compared to its original source and it is known that the writer did not refer to the original source but instead used other books especially *Tafsir al-Manār*. The quality of the *Hadith*'s *sanad* is debatable, it consists of 51 *ja'iz Hadith* (35.92 %), 5 *ja'iz lighayrih Hadith* (3.52 %) and 32 *Yasan Hadith* (22.53 %). While the rest which cannot be debated separately, are 5 *Yasan lighayrih*

*Yad<sup>3</sup>th* (3.52 %) and 44 «*a<sup>3</sup>f Yad<sup>3</sup>th* (30.98 %), at the same time, 3 very «*a<sup>3</sup>f Yad<sup>3</sup>th* (2.11 %) and 1 *Yad<sup>3</sup>th* (0.71 %) which the source cannot be found made, it is impossible to be debated on. And there is no *mawq-f<sup>1</sup> Yad<sup>3</sup>th*. On the other hand, *mawq-f<sup>1</sup> Yad<sup>3</sup>th* (0.71 %) existed in actuality as a ruling by Prophet Muhammad's companions. Conclusively, a lot of the *Yad<sup>3</sup>th* in *Tafsir al-Azhar* can be made into a debate compared to some that are unacceptable as a valid argument.

## **SENARAI KANDUNGAN**

	Muka surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vii



SENARAI KANDUNGAN	ix
SENARAI JADUAL	xii
PANDUAN TRANSLITERASI	xiii
SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL	xv
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Latar Belakang	1
1.2 Permasalahan Utama Kajian	10
1.3 Tinjauan Pustaka ( <i>Literature Review</i> )	12
1.4 Batas Kajian	16
1.5 Kepentingan Kajian	18
1.6 Tujuan Kajian	20
1.7 Metodologi Kajian	21
1.7.1 Pendekatan	21
1.7.2 Pengumpulan Data	21
1.7.3 Pengolahan dan Analisis Data	22
<b>BAB 2 PERIWAYATAN DAN TA'Q'Q AL-/AD 'TH</b>	<b>24</b>
2.1 Perwayatan  ad <sup>3</sup> th	24
2.1.1 Takrif  ad <sup>3</sup> th	24
2.1.2 Perwayatan  ad <sup>3</sup> th	28
2.1.2(a) Takrif Perwayatan  ad <sup>3</sup> th	28
2.1.2(b) Sejarah Ringkas Perwayatan  ad <sup>3</sup> th	30
2.1.2(c) Bentuk-bentuk Perwayatan  ad <sup>3</sup> th	38
2.2 Ta'q'q al-/ad <sup>3</sup> th	52
2.2.1 Takrif Ta'q'q al-/ad <sup>3</sup> th	52
2.2.2 Pentingnya Ta'q'q al-/ad <sup>3</sup> th	53

2.2.2(a) Dilihat dari Kedudukan $\text{ad}^3\text{th}$ Sebagai Sumber Ajaran Islam	53
2.2.2(b) Dilihat dari Sejarah dan Dokumen $\text{ad}^3\text{th}$	55
2.2.2(c) Dilihat dari Cara Periwiyatan $\text{ad}^3\text{th}$	64
2.2.3 Langkah-langkah Utama Kegiatan $Ta\text{y}q^3q\text{ al-}\text{ad}^3\text{th}$	66
2.2.3(a) $Takhr^3j$ $\text{ad}^3\text{th}$	66
2.2.3(b) $I'tib\pm r$ Sanad dan Matan	72
2.2.3(c) Kritik Sanad	73
2.2.3(d) Kritik Matan	88
2.2.3(e) Pengambilan Kesimpulan (Natijah)	101
<b>BAB 3 HAMKA DAN TAFSIR AL-AZHAR</b>	<b>104</b>
3.1 Hamka dan Kitab-kitab Karangannya	104
3.1.1 Biografi Ringkas Hamka	104
3.1.1(a) Latar Belakang Sosial Tanah Kelahiran Hamka	104
3.1.1(b) Pendidikan Hamka	107
3.1.1(c) Aktiviti Hamka dalam Pembinaan dan Pengembangan Islam	114
3.1.2 Kitab-kitab Karangan Hamka	124
3.2 Tafsir al-Azhar	127
3.2.1 Penulisan Tafsir al-Azhar	128
3.2.2 Metodologi Penyusunan dan Corak Tafsir al-Azhar	131
3.2.2(a) Metodologi Penyusunan	131
3.2.2(b) Corak Tafsir al-Azhar	135
3.2.3 Kegagalan Hamka Menjelaskan Kedudukan Sanad $\text{ad}^3\text{th}$	140
<b>BAB 4 <math>Ta/Q^3Q</math> DAN HUKUM SANAD <math>\text{AD}^3\text{TH}</math> TAFSIR AL-AZHAR</b>	<b>143</b>
4.1 $\text{ad}^3\text{th}$ Juzuk 1 : Mula h.n. 1 Hingga h.n. 55	143

4.2	ʾad <sup>3</sup> th Juzuk 2 : Mula h.n. 56 Hingga h.n. 95	244
4.3	ʾad <sup>3</sup> th Juzuk 3 : Mula h.n. 96 Hingga h.n. 115	315
4.4	ʾad <sup>3</sup> th Juzuk 4 : Mula h.n. 116 Hingga h.n. 142	349
<b>BAB 5 PENUTUP</b>		<b>399</b>
5.1	Hasil Kajian	399
5.2	Cadangan	419
<b>BIBLIOGRAFI</b>		<b>422</b>
<b>LAMPIRAN - LAMPIRAN</b>		<b>437</b>
LAMPIRAN 1	NOMBOR ʾAD ʾTH	438
LAMPIRAN 2	INDEKS ʾAD ʾTH	440
LAMPIRAN 3	GLOSARI ISTILAH ʾAD ʾTH	448

### **SENARAI JADUAL**

<b>Bil</b>	<b>Jadual</b>	<b>Muka surat</b>
1.1	Kandungan ʾad <sup>3</sup> th Tafsir al-Azhar	<b>6</b>
2.1	<i>Marʾtib Alf±§ f³ al-Jar¥ wa al-Taʾd³l</i> yang Digunakan Ahli Kritik Periwat ʾad <sup>3</sup> th	<b>82</b>
5.1	Pembahagian ʾad <sup>3</sup> th-¥ad <sup>3</sup> th Tafsir al-Azhar Mengikut Taraf Hukum ʾad <sup>3</sup> th	<b>417</b>

## PANDUAN TRANSLITERASI \*

### 1. Konsonan

ا	=	-	ز	=	z	ق	=	q
ب	=	b	س	=	s	ك	=	k
ت	=	t	ش	=	sy	ل	=	l
ث	=	th	ص	=	i	م	=	m
ج	=	j	ض	=	«	ن	=	n
ح	=	¥	ط	=	-	و	=	w
خ	=	kh	ظ	=	§	ه، هـ	=	h
د	=	d	ع	=	'	ء	=	'
ذ	=	dh	غ	=	gh	ي	=	y
ر	=	r	ف	=	f	ة	=	<u>t</u>

### 2. Vokal

Pendek	Panjang	Diftong
اَ — a	اَ — ±	اَيُّ — ay ( بين = bayn)
اِ — i	اِي — ³	اَوُّ — aw ( قول = qawl)
اُ — u	اُو — -	

\* Panduan transliterasi ini berpandukan kepada *Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi* (1988). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka b.p. Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia Kementerian Pendidikan Malaysia. Kecuali kepada kata-kata tertentu yang menurut penulis dapat lebih memudahkan dalam penulisan.

### 3. Kaedah yang digunakan

3.1 *T±' marb-`at* ( ة ) ditulis = *t*, kecuali di akhir nama orang ditulis “ h ”.

Contoh: المدينة المنورة = al-Mad<sup>3</sup>nat al-Munawwarat dan ابن قتيبة = Ibn Qutaybah.

3.2 Huruf *hamzat* ( ء ) yang terdapat:

(a) di awal kata sama ada berbunyi a, i dan u ditulis mengikut bunyi, tanpa diberi lambang koma atas ( ' ). Contoh: أصغر = *ajghar*, إِنْ = *inna* dan أمرت = *umirtu*.

(b) di belakang konsonan atau diftong pada sesuatu kata dilambangkan sebagai koma atas ( ' ). Contoh: عائشة = 'aisyah dan الرأي = *al-ra'y*.

3.3 *Syaddat* ( ّ ) yang terletak di atas huruf:

(a) ي yang terdapat di belakang konsonan *kasrat* di tengah kata yang merupakan gabungan vokal panjang dan konsonan ditulis “ <sup>3</sup>yy ”. Contoh: الإسلامية = *al-Isl±m<sup>3</sup>yyat* dan السعودية = *al-sa'-d<sup>3</sup>yyat*.

(b) ي yang terdapat di belakang konsonan *kasrat* di akhir kata ditulis “ <sup>3</sup>y ”. Contoh: العربي = *al-'arab<sup>3</sup>y* dan النبي = *al-nab<sup>3</sup>y*.

3.4 *Lafş al-Jal±lat* ( الله ) yang didahului dengan huruf *jar* atau berkedudukan sebagai *mu«±f ilayh* atau sebagai *f±'il* ditulis tanpa dengan huruf *hamzat*. Contoh: بالله = *bill±h* atau الحمد لله = *al-¥amdulill±h* atau رضي الله = *ra«iyall±h*. Kecuali jika lafaz الله itu

berkedudukan sebagai *mu«±f ilayh* pada nama seseorang ditulis tanpa memberi huruf capital (L) pada kata ALL±h seperti عبد الله = 'Abdull±h.

- 3.5 Penulisan nama orang yang didahului dengan perkataan 'daripada' atau semacamnya ditulis dengan mengikut tata cara bahasa Arab, seperti daripada 'Abdill±h dan daripada Ab<sup>3</sup> Hurayrah.

## SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL

### 1. Singkatan :

<i>et al.</i>	=	<i>Et alii</i> (dan kawan-kawan, lebih dari tiga orang)
Cet.	=	Cetakan
Ed.	=	Edisi
H	=	Hijrah
<i>ibid.</i>	=	<i>Ibidem</i> (sumber yang sama, yang baru sahaja disebutkan)
Jl.	=	Jilid
Jz.	=	Juzuk
M	=	Miladiah
m.s.	=	Muka surat
h.n.	=	ad <sup>3</sup> th nombor
QS.	=	al-Quran dan Surah
Ta¥.	=	<i>Ta¥q<sup>3</sup>q</i>
Taq.	=	<i>Ta'q<sup>3</sup>q</i>
Taj.	=	<i>Taj¥<sup>3</sup>¥</i>
Terj.	=	Terjemah
(t.p.)	=	Tidak ada penerbit
(t.th.)	=	Tidak ada tarikh terbit
(t.t.p.)	=	Tidak ada tempat penerbit
w.	=	Wafat

### 2. Simbol :

Y	=	'Azza wa Jalla
U	=	'Alayh al-Sal±m
ψ	=	Jalla Jal±lah-
τ	=	Ra«iyall±h 'anh
ψ	=	Ra«iyall±h 'anhum
ρ	=	call±ll±h 'alayh wasallam
±	=	Lebih kurang

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Latar Belakang

Hadis sebagai pernyataan (*aqwal*), pengamalan (*af'al*), pengakuan (*taqrir*)<sup>1</sup> dan hal-ehwal Nabi Muhammad ﷺ merupakan sumber ajaran Islam kedua selepas al-Quran.<sup>2</sup> Oleh sebab itu, Hadis mempunyai peranan penting dalam pelaksanaan ajaran Islam, kerana Hadis sebagai sumber pembinaan pelbagai aspek kehidupan seorang Muslim, sama ada dalam bidang akidah, ibadah dan hukum-hakam, mahupun dalam pelaksanaan dakwah dan pergaulan sesama umat manusia.

Umat Islam memberikan perhatian yang amat dalam terhadap Hadis sejak dari zaman Nabi ﷺ dan para sahabat lagi. Nabi ﷺ pernah melarang buat beberapa masa para sahabatnya menulis Hadis,<sup>3</sup> kerana baginda merasa khuatir mereka akan mencampuradukkan antara ayat al-Quran dengan Hadis. Tetapi kerana tidak terlihat adanya kekhawatiran itu, maka baginda membenarkan para sahabatnya yang bijak dan pandai dalam bidang penulisan meneruskan usaha mereka menulis Hadis.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> *Taqrir* adalah *majdar* kepada kata kerja *qarrara*. Menurut bahasa, *taqrir* bermakna penetapan, pengakuan atau persetujuan. Lihat, Muhammad bin Mukarram bin Mansur (t.th.). *Lisn al-'Arab*. Mi'r: al-Dar al-Mi'riyyat, Jil. 6, m.s. 394. Adapun menurut istilah, *taqrir* ialah apa jua yang dilaksanakan oleh sahabat di hadapan Rasulullah ﷺ, lalu baginda mendiamkan hal itu dan tidak melarangnya. Lihat, Bakr Syaykh Amn (1399 H / 1979 M). *Adab al-'adith al-Nabawiy*. Bayrut: Dar al-Syur-q, m.s. 10.

<sup>2</sup> Lihat, Muj'af al-Sib' (1985). *Al-Sunnat wa Maknatuh f' al-Tasyr' al-Islamiy*. Bayrut: Maktabat al-Islam, m.s. 377; dan M. Syuhudi Ismail (1988). *Kaedah Kesahihan Sanad Hadis*. Jakarta: Bulan Bintang. (Selanjutnya dipanggil: M. Syuhudi Ismail, *Kaedah*), m.s. 3.

<sup>3</sup> Hadis Nabi ﷺ yang melarang dan menyuruh para sahabat menulis Hadis, lihat misalnya penjelasan dalam bab 2 tesis ini tentang penulisan Hadis pada zaman Nabi ﷺ, (*Footnote* 88 dan 89).

<sup>4</sup> Pada zaman Nabi ﷺ ada beberapa orang sahabat yang pernah menulis dan menghafal Hadis, seperti Jabir bin 'Abdillah, 'Abdillah bin 'Amr bin al-' dan 'Abdillah bin 'Abbas. Lihat, Cub' al-c'li' (1378 H / 1959 M). *Ul-m al-'adith wa Muj' al-'uh*. Bayrut: Dar al-'Ilm li al-Mal'iy'n. (Selanjutnya dipanggil: Cub' al-c'li', *Ul-m al-'adith*), m.s. 24 -30. Namun jumlah mereka yang menulis Hadis selain tidak ramai juga matan Hadis yang mereka tulis

Pada generasi *tabiin* dan *atb±'* *tabiin*, perhatian umat Islam terhadap  $\text{¥ad}^3\text{th}$  lebih besar lagi. Hal ini disebabkan oleh ramai para sahabat mengajarkan ilmu pengetahuan  $\text{¥ad}^3\text{th}$  kepada muridnya yang tidak sedikit jumlahnya, juga para *tabiin* mengajarkan pula ilmunya kepada *atb±'* *tabiin*. Oleh sebab itu, sangat patut apabila pada generasi *tabiin* dan *atb±'* *tabiin* pencinta  $\text{¥ad}^3\text{th}$  menjadi lebih ramai jumlahnya berbanding pada zaman generasi sahabat. Dengan demikian, dapat difahami bahawa makin jauh jarak antara *mukharrij*<sup>5</sup> dengan Nabi  $\rho$  akan semakin ramai pula jumlah periwayat dalam sanad suatu  $\text{¥ad}^3\text{th}$ , yang mereka saling bertemu dan berguru. Oleh itu, sesetengah pendapat yang mengatakan bahawa  $\text{¥ad}^3\text{th}$  Nabi  $\rho$  hanyalah berupa dongeng semata-mata, kerana ditulis jauh selepas Nabi  $\rho$  wafat adalah tidak benar.<sup>6</sup> Sebab ternyata para pecinta  $\text{¥ad}^3\text{th}$  amat ramai dan mereka sangat bersungguh-sungguh menjaga keaslian  $\text{¥ad}^3\text{th}$  Nabi  $\rho$ .

Perhatian umat Islam terhadap  $\text{¥ad}^3\text{th}$  Nabi  $\rho$  amatlah besar, hal ini disebabkan oleh mereka meyakini bahawa  $\text{¥ad}^3\text{th}$  merupakan salah satu sumber utama ajaran Islam, juga kerana keberadaannya dilihat dari peribadi Ras-lulL±h  $\rho$  dalam melaksanakan atau menetapkan dan menjelaskan seluruh kandungan al-Quran sesuai dengan petunjuk ALL±h Ta'±l±, dan hal itu semua adalah  $\text{¥ad}^3\text{th}$ . Selain itu, periwayatan  $\text{¥ad}^3\text{th}$  berbeza dengan al-Quran, sebab al-Quran adalah berstatus sebagai *qa<sup>-3</sup>y al-wur-d*, yakni semua periwayatan ayatnya berlangsung secara *mutaw±tir* sehingga tidak perlu lagi dilakukan kajian tentang kebenarannya berasal daripada ALL±h Ta'±l±. Sebaliknya  $\text{¥ad}^3\text{th}$  adalah sebahagian kecil yang berstatus sebagai *qa<sup>-3</sup>y al-wur-d* dan bahagian

---

masih terhad. Hal itu disebabkan selain kerana jumlah mereka yang pandai menulis belum ramai, juga kerana perhatian mereka lebih tertuju kepada pemeliharaan al-Quran. Lihat, M. Syuhudi Ismail, *Kaedah*, m.s. 3.

<sup>5</sup> *Mukharrij* ialah periwayat yang menghimpun  $\text{¥ad}^3\text{th}$ - $\text{¥ad}^3\text{th}$  yang diriwayatkan ke dalam kitab yang mereka susun, misalnya al-Bukh±r<sup>3</sup> dan Muslim.

<sup>6</sup> Lihat, M. Syuhudi Ismail, *Kaedah*, m.s. 83.



terbanyak adalah yang berstatus sebagai *ṣann<sup>3</sup>y al-wur-d*,<sup>7</sup> yakni *Ḥad<sup>3</sup>th* yang periwayatannya berlangsung secara *mutaw<sup>±</sup>tir* amat sedikit jumlahnya berbanding dengan *Ḥad<sup>3</sup>th* yang periwayatannya berlangsung secara *aḤ<sup>±</sup>d*.<sup>8</sup> *Ḥad<sup>3</sup>th aḤ<sup>±</sup>d* yang amat banyak jumlahnya itu, memerlukan kajian secara mendalam untuk mengetahui keasliannya sama ada berasal dari Nabi ρ atau pun tidak.

Kitab-kitab *Ḥad<sup>3</sup>th* yang digunakan oleh masyarakat kini dan dijadikan sebagai pegangan oleh umat Islam dalam hubungannya dengan *Ḥad<sup>3</sup>th* sebagai sumber ajaran Islam iaitu kitab-kitab *Ḥad<sup>3</sup>th* yang disusun oleh para penyusun (*mukharrij*)-nya setelah sekian lama Nabi ρ wafat (11 H / 632 M). Dalam tempoh masa antara kewafatan Nabi ρ dan penulisan kitab-kitab *Ḥad<sup>3</sup>th* itu boleh sahaja terjadi pelbagai perkara yang dapat menjadikan riwayat *Ḥad<sup>3</sup>th* itu menyalahi hal yang sebenar berasal daripada Nabi ρ. Maka untuk mengetahui apakah riwayat pelbagai *Ḥad<sup>3</sup>th* yang terkandung dalam kitab-kitab *Ḥad<sup>3</sup>th* itu boleh dijadikan sebagai hujah (dalil agama) ataupun tidak, terlebih dahulu perlu dilakukan kajian terhadapnya. Kegiatan kajian itu tidak hanya ditujukan kepada matan *Ḥad<sup>3</sup>th* itu sahaja, tetapi juga kepada pelbagai hal yang berkenaan dengan periwayatnya, dalam hal ini sanad-sanadnya, iaitu rangkaian para periwayat yang menyampaikan matan *Ḥad<sup>3</sup>th* itu. Oleh itu, untuk

---

<sup>7</sup> Maksud *qa<sup>-3</sup>y al-wur-d* atau *qa<sup>-3</sup>y al-thub-t* ialah mutlak kebenaran beritanya berasal daripada Nabi ρ, sedangkan *ṣann<sup>3</sup>y al-wur-d* atau *ṣann<sup>3</sup>y al-thub-t* ialah relatif atau nisbi (tidak mutlak) kebenaran beritanya berasal daripada Nabi ρ. Lihat lebih lanjut misalnya, *Ḥal<sup>±</sup>Ḥ al-D<sup>3</sup>n bin AḤmad al-Adlab<sup>3</sup>* (1403H / 1983 M). *Manhaj Naqd al-Matn*. Bayrut: D<sup>±</sup>r al-<sup>2</sup>f<sup>±</sup>q al-Jad<sup>3</sup>dat, m.s. 239; dan Ab- IsḤ<sup>±</sup>q Ibr<sup>±</sup>h<sup>3</sup>m bin M-s<sup>±</sup> al-Sy<sup>±</sup>-ib<sup>3</sup> (t.th.). *Al-Muw<sup>±</sup>faq<sup>±</sup>t f<sup>3</sup> Uj-l al-Syar<sup>3</sup>at*, SyarḤ ‘Abdull<sup>±</sup>h Darr<sup>±</sup>s. Miyr: al-Maktabat al-Tij<sup>±</sup>r<sup>3</sup>yyat al-Kubr<sup>±</sup>. (Selanjutnya dipanggil: al-Sy<sup>±</sup>-ib<sup>3</sup>, *al-Muw<sup>±</sup>faq<sup>±</sup>t*), Jz. 3, m.s. 15-16.

<sup>8</sup> Erti harfiah *mutaw<sup>±</sup>tir* adalah *tat<sup>±</sup>bu*, yakni berturut, sedangkan erti istilah ialah berita yang berasal daripada Nabi ρ yang diriwayatkan oleh ramai periwayat pada setiap *Ḥab<sup>±</sup>aq<sup>±</sup>t*, bermula daripada awal sehingga akhir sanadnya, yang menurut ukuran akal dan kebiasaan mustahil para periwayat yang ramai itu sepakat berdusta. Sementara *aḤ<sup>±</sup>d* sebagai jamak untuk kata *w<sup>±</sup>Ḥid*, erti harfiahnya satu, sedangkan erti istilah ialah segala apa yang diberitakan oleh orang-seorang yang berasal daripada Nabi ρ yang tidak mencapai tahap *mutaw<sup>±</sup>tir*. Untuk penjelasan lebih lanjut istilah *mutaw<sup>±</sup>tir* dan *aḤ<sup>±</sup>d*, lihat misalnya, AḤmad bin ‘Al<sup>3</sup> bin ‘ajar al-‘Asqal<sup>±</sup>n<sup>3</sup> (t.th.). *Nuzhat al-Naṣar SyarḤ Nukhbat al-Fikar*. Semarang: Maktabat al-Munawwarat, m.s. 9; MaḤm-d al-<sup>o</sup>aḤḤ<sup>±</sup>n (1398 H / 1979 M). *Tays<sup>3</sup>r Muj<sup>±</sup>alaḤ al-Ḥad<sup>3</sup>th*. Bayrut: D<sup>±</sup>r al-Qur’<sup>±</sup>n al-Kar<sup>3</sup>m. (Selanjutnya dipanggil: al-<sup>o</sup>aḤḤ<sup>±</sup>n, *Tays<sup>3</sup>r Muj<sup>±</sup>alaḤ al-Ḥad<sup>3</sup>th*), m.s. 18-22; ḤubḤ<sup>3</sup> al-Ḥ<sup>±</sup>liḤ, *Ul-m al-Ḥad<sup>3</sup>th*, m.s. 146-147 dan 150-151; serta *Al-Maws-‘at al-‘Arab<sup>3</sup>yyat al-‘<sup>2</sup>lam<sup>3</sup>yyat* (1419 H / 1996 M). Riy<sup>±</sup>«: Mu‘assasat A’m<sup>±</sup>l al-Maws-‘at li al-Nasyr wa al-Tawz<sup>3</sup>. Cet. ke-2, Jl. 9, m.s. 100-101.

mengetahui apakah suatu  $\text{\textcircled{H}}\text{ad}^3\text{th}$  dapat dipastikan keasliannya berasal daripada Nabi  $\rho$  diperlukan kajian matan dan sanad  $\text{\textcircled{H}}\text{ad}^3\text{th}$  berkenaan.

Sehubungan itu, kitab-kitab  $\text{\textcircled{H}}\text{ad}^3\text{th}$  muktabar yang beredar dalam kalangan masyarakat yang disusun oleh para penyusunnya memuatkan riwayat lengkap dengan sanad dan matannya, terutama yang ditulis oleh para ulama *mutaqaddim*<sup>3n</sup>,<sup>9</sup> seperti *ca\text{\textcircled{H}}\text{ad}^3\text{th} al-Bukh\text{\textcircled{H}}\text{ad}^3\text{th}* susunan al-Bukh\text{\textcircled{H}}\text{ad}^3\text{th} (w. 256 H / 870 M), *ca\text{\textcircled{H}}\text{ad}^3\text{th} Muslim* susunan Muslim (w. 261 H / 875 M) dan lain-lain. Hal ini memberikan isyarat bahawa para penyusunnya bersikap terbuka dengan memberi laluan kepada para pengkaji  $\text{\textcircled{H}}\text{ad}^3\text{th}$  yang berminat untuk mengkaji semula  $\text{\textcircled{H}}\text{ad}^3\text{th}$  yang terkandung dalam kitab  $\text{\textcircled{H}}\text{ad}^3\text{th}$  yang disusun oleh mereka. Keterbukaan itu tidak hanya ditujukan kepada para pengkaji  $\text{\textcircled{H}}\text{ad}^3\text{th}$  yang sezaman dengan para penyusun itu sahaja, tetapi juga kepada para pakar yang hidup selepas generasi mereka.

Di samping kitab-kitab  $\text{\textcircled{H}}\text{ad}^3\text{th}$  muktabar itu, banyak pula kitab lain seperti kitab-kitab tafsir, fikah dan *s\text{\textcircled{H}}\text{ad}^3\text{th}* (tarikh) yang mengandungi banyak  $\text{\textcircled{H}}\text{ad}^3\text{th}$ , sama ada yang ditulis oleh ulama *mutaqaddim*<sup>3n</sup> mahupun oleh ulama *muta'akhkhir*<sup>3n</sup> yang beredar dalam masyarakat, yang keaslian  $\text{\textcircled{H}}\text{ad}^3\text{th}$ nya sukar dipertanggungjawabkan berasal daripada Nabi  $\rho$  kerana kedudukan sanad dan rawinya belum dapat dipastikan keasliannya. Salah satu contohnya ialah kitab tafsir yang penulis akan jadikan objek kajian dalam penyelidikan ini iaitu *Tafsir al-Azhar*, karangan Abdul Malik bin Abdul Karim Amrullah, yang popular dikenal sebagai Hamka, iaitu salah seorang ulama Indonesia yang hidup pada abad 20 M.

Selain *Tafsir al-Azhar*, masih banyak lagi kitab lain yang mengandungi banyak  $\text{\textcircled{H}}\text{ad}^3\text{th}$ , yang memerlukan pengkajian terhadap kualiti  $\text{\textcircled{H}}\text{ad}^3\text{th}$  yang ada di dalamnya. Kajian kualiti  $\text{\textcircled{H}}\text{ad}^3\text{th}$  yang terdapat dalam pelbagai kitab yang mengandungi banyak  $\text{\textcircled{H}}\text{ad}^3\text{th}$  kurang mendapat perhatian para pengkaji di

---

<sup>9</sup> Ulama *Mutaqaddim*<sup>3n</sup> dalam penyusunan kitab  $\text{\textcircled{H}}\text{ad}^3\text{th}$  yang dimaksud ialah ulama  $\text{\textcircled{H}}\text{ad}^3\text{th}$  yang hidup sehingga akhir abad ke 3 H, sedangkan ulama  $\text{\textcircled{H}}\text{ad}^3\text{th}$  yang hidup selepas itu dinamai ulama *Muta'akhkhir*<sup>3n</sup>. Lihat, M. Syuhudi Ismail (1991). *Pengantar Ilmu Hadis*. Bandung: Angkasa, m.s. 120.

rantau ini. Meskipun dalam pelbagai perkara agama Islam orang seringkali mencari dasarnya dari  $\text{\textcircled{A}}$ , sehingga  $\text{\textcircled{A}}-\text{\textcircled{A}}$  yang tertulis dalam pelbagai kitab itu diambil begitu sahaja sebagai dalil atau hujah, tanpa mengambil kira, apakah  $\text{\textcircled{A}}$  itu  $\text{\textcircled{A}}$  atau tidak  $\text{\textcircled{A}}$ . Kalaulah  $\text{\textcircled{A}}$  itu  $\text{\textcircled{A}}$  atau  $\text{\textcircled{A}}$  tidaklah menjadi masalah, tetapi kalau  $\text{\textcircled{A}}$  itu tidak  $\text{\textcircled{A}}$  atau  $\text{\textcircled{A}}$ , implikasinya dapat membawa kepada pembuatan (penetapan) sesuatu ijtihad dalam bidang akidah atau ibadah yang dapat merosak ajaran Islam sebagaimana yang telah diajarkan oleh Ras-lull±h ρ.

*Tafsir al-Azhar* karya Hamka terdiri dari 30 juzuk dan mengandungi lebih kurang 918  $\text{\textcircled{A}}$ , dengan perincian seperti jadual berikut:

**JADUAL 1.1**  
**Kandungan  $\text{\textcircled{A}}$  Tafsir al-Azhar**

Juzuk	Jumlah $\text{\textcircled{A}}$		
	Seluruhnya	Berulang pada Juzuk yang sama/yang lain	Yang dikaji
1	56	1	55
2	42	2	40
3	22	2	20
4	29	2	27
5	91	7	84
6	38	2	36
7	44	2	42
8	25	2	23
9	31	10	21
10	53	4	49
11	14	2	12
12	29	5	24
13	18	0	18
14	12	1	11
15	58	4	54
16	30	4	26
17	23	6	17
18	23	5	18
19	5	3	2
20	12	1	11
21	24	6	18
22	64	12	52
23	22	5	17
24	32	8	24

25	7	3	4
26	40	5	35
27	57	18	39
28	90	11	79
29	39	6	33
30	28	1	27
<b>Jumlah</b>	<b>1058</b>	<b>140</b>	<b>918</b>

Jumlah  $\Upsilon$ ad<sup>3</sup>th di atas ditentukan selepas disemak daripada  $\Upsilon$ ad<sup>3</sup>th- $\Upsilon$ ad<sup>3</sup>th yang terkandung dalam *Tafsir al-Azhar* beberapakali, bermula daripada juzuk 1 hingga juzuk 30. Daripada jumlah 918  $\Upsilon$ ad<sup>3</sup>th itu tidak termasuk  $\Upsilon$ ad<sup>3</sup>th yang ditulis oleh pengarang berulang kali, sama ada dalam juzuk tempat  $\Upsilon$ ad<sup>3</sup>th berkenaan disebutkan mahupun dalam juzuk yang lain, demikian juga perkataan sahabat ( $\Upsilon$ ad<sup>3</sup>th *mawq-f*).

Asas penentuan jumlah  $\Upsilon$ ad<sup>3</sup>th di atas, dilakukan dengan bermula daripada pencarian dan pencatatan  $\Upsilon$ ad<sup>3</sup>th yang ada dalam setiap juzuk di dalam tafsir berkenaan, sama ada  $\Upsilon$ ad<sup>3</sup>th yang disertakan oleh pengarang teksnya dalam bahasa Arab mahupun yang hanya terjemahan atau maksud  $\Upsilon$ ad<sup>3</sup>th berkenaan sahaja yang ditulis dalam bahasa Indonesia. Bentuk  $\Upsilon$ ad<sup>3</sup>th yang dicatat daripada tafsir berkenaan ialah segala maklumat yang disandarkan kepada Nabi  $\rho$ , sama ada dalam bentuk sabda, perbuatan dan *taqr<sup>3</sup>r* mahupun hal-hal atau peristiwa yang terjadi pada masa Nabi  $\rho$ , termasuk ketika turunnya ayat-ayat al-Quran seperti yang telah dijelaskan oleh para sahabat yang menyaksikannya. Oleh yang demikian, amat banyak bentuk  $\Upsilon$ ad<sup>3</sup>th yang terkandung dalam *Tafsir al-Azhar*, yang akan dikaji tentang kualiti sanadnya dalam penyelidikan ini.

*Tafsir al-Azhar* yang mengandungi banyak  $\Upsilon$ ad<sup>3</sup>th itu sangat popular dalam kalangan ustaz dan pelajar di pusat-pusat pengajian Islam di Indonesia, seperti Institut Agama Islam Negeri (IAIN), Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN), Universiti Muslim Indonesia (UMI) Makassar dan Sekolah Tinggi Agama Islam Swasta (STAIS) yang terdapat di setiap daerah, serta ramai pula individu yang menggunakannya sebagai bahan dakwah seperti para mubaligh

dan pelajar dalam pelbagai pesantren (*ma'had*) di Indonesia, dirasa perlu untuk mengkaji tahap kualiti sanad sesebuah  $\text{\textcircled{A}d}^3\text{th}$ nya. Kerana menurut pengamatan penulis belum ada penulis lain yang khas mengkaji kualiti sanad  $\text{\textcircled{A}d}^3\text{th}$  yang terkandung dalam tafsir berkenaan secara mendalam.

$\text{\textcircled{A}d}^3\text{th}$  yang banyak terdapat di dalam *Tafsir al-Azhar* perlu dikaji, mengingat bahawa tidak semua yang dikatakan orang ' $\text{\textcircled{A}d}^3\text{th}$ ' lantas dapat langsung dijadikan hujah atau dalil dalam perkara keislaman. Kalau  $\text{\textcircled{A}d}^3\text{th}$  itu berkualiti *ja'ayy*, para ulama sepakat menyatakan dapat dijadikan sebagai hujah, terlebih lagi jika  $\text{\textcircled{A}d}^3\text{th}$  itu termasuk kategori *mutawtir*. Menurut para ulama,  $\text{\textcircled{A}d}^3\text{th}$  *mutawtir* sama ada *lafsiyy* mahupun *ma'nawiy* wajib diamalkan sebab memfaedahkan ilmu *al-qa'iy al-yaqiniyy*.<sup>10</sup> Dalam hal ini menurut Mu'ammad al-Ghazali<sup>3</sup>,  $\text{\textcircled{A}d}^3\text{th}$  *mutawtir* hukumnya sama dengan al-Quran, dan dari padanyalah yang lebih tepat untuk dipakai mentafsir ayat-ayat al-Quran yang bersifat am dan mutlak.<sup>11</sup>

Sementara  $\text{\textcircled{A}d}^3\text{th}$  *a'id* yang *ja'ayy*, terdapat sesetengah ulama berbeza faham mengenai *Shanniy* atau *qa'iy*  $\text{\textcircled{A}d}^3\text{th}$  berkenaan. Dalam hal ini,  $\text{\textcircled{A}d}^3\text{th}$  al- $\text{\textcircled{A}d}^3\text{th}$  (w. 1408 H / 1976 M) menyebutkan beberapa pendapat ulama, misalnya al-Nawaw<sup>3</sup> (w. 676 H / 1277 M) menamakannya *Shanniy al-thub-t*, dan sebahagian besar ahli  $\text{\textcircled{A}d}^3\text{th}$  membatasi hanya yang diriwayatkan oleh al-Bukhari<sup>3</sup> dan Muslim sahaja, namun sebahagian yang lain menilai bahawa  $\text{\textcircled{A}d}^3\text{th}$  *a'id* yang *ja'ayy* sama ada diriwayatkan oleh al-Bukhari<sup>3</sup> dan Muslim mahupun yang lainnya adalah termasuk kategori memfaedahkan ilmu *al-qa'iy al-yaqiniyy*, seperti halnya  $\text{\textcircled{A}d}^3\text{th}$  *mutawtir*. Selanjutnya, 'Al<sup>3</sup> bin 'A'mad bin Sa'ad bin 'Azam (Ibn 'Azam w. 465 H) menyatakan bahawa  $\text{\textcircled{A}d}^3\text{th}$  *a'id* yang dipercayai berasal daripada Ras-lullah  $\text{\textcircled{A}d}^3\text{th}$  wajib diyakini dan diamalkan.<sup>12</sup>

---

<sup>10</sup> Lihat,  $\text{\textcircled{A}d}^3\text{th}$  al- $\text{\textcircled{A}d}^3\text{th}$ , '*Ul-m al- $\text{\textcircled{A}d}^3\text{th}$* , m.s. 151.

<sup>11</sup> Lihat, Mu'ammad al-Ghazali<sup>3</sup> (1989). *Al-Sunnat al-Nabawiyat bayn Ahl al-Fiqh wa Ahl al- $\text{\textcircled{A}d}^3\text{th}$* . Bayrut: Dair al-Syur-q, m.s. 19.

<sup>12</sup> Lihat,  $\text{\textcircled{A}d}^3\text{th}$  al- $\text{\textcircled{A}d}^3\text{th}$ , '*Ul-m al- $\text{\textcircled{A}d}^3\text{th}$* , m.s. 151.

Mengenai hal ini, al-Sy<sup>±</sup>ib<sup>±</sup> (w. 790 H) menegaskan bahawa *Yad<sup>±</sup>th aY<sup>±</sup>d* boleh diamalkan kecuali jika ia bertentangan dengan dalil yang *qa<sup>±</sup>y*.<sup>13</sup>

Manakala *Yad<sup>±</sup>th aY<sup>±</sup>d* yang berkualiti *Yasan*, menurut Ibn al-*Cal<sup>±</sup>Y* (w. 643 H / 1245 M) ia boleh diamalkan.<sup>14</sup> Pendapat ini diikuti juga oleh Ibn Kath<sup>±</sup>r (w. 774 H).<sup>15</sup> Dalam hal ini, menurut N-r al-D<sup>±</sup>n 'Itr, para *fuqah<sup>±</sup>* dan sebahagian besar *muYaddith<sup>±</sup>n* menerima *Yad<sup>±</sup>th Yasan* sebagai hujah dan diamalkan. Alasan mereka ialah para periwayat *Yad<sup>±</sup>th Yasan* itu telah diketahui kejujuran dan keselamatan perpindahannya dalam sanad, sehingga kemungkinan kebenarannya sangat besar.<sup>16</sup> Menurut Ibn Kath<sup>±</sup>r bahawa al-Tirmidh<sup>±</sup> yang mula mempopularkan *Yad<sup>±</sup>th Yasan* dalam kitabnya, *al-J<sup>±</sup>mi'* yang masyhur dengan nama *Sunan al-Tirmidh<sup>±</sup>*.<sup>17</sup> Menurut *ÇubY<sup>±</sup> al-Ç<sup>±</sup>liY*, dalam *ÇaY<sup>±</sup>Y al-Bukh<sup>±</sup>r<sup>±</sup>* didapati adanya *Yad<sup>±</sup>th Yasan*, lebih-lebih lagi dalam *Musnad AY<sup>±</sup>mad*, dan bermula di sini kemudian MuYammad bin AY<sup>±</sup>mad al-Dhahab<sup>±</sup> (w. 748 H / 1347 M) mengemukakan bahawa *Yad<sup>±</sup>th Yasan* merupakan bahagian daripada *Yad<sup>±</sup>th jaY<sup>±</sup>Y*.<sup>18</sup>

